

27 MAY 1998

EMTEK-IT (Fokus Berita)

EMTEK DEKATKAN ORANG KAMPUNG KEPADA IT

KOTA BAHARU, 27 Mei (Bernama) -- Eksposisi Multimedia, Telekomunikasi dan Elektronik Kelantan 1998 (EMTEK `98), eksposisi yang pertama dan terbesar pernah diadakan di kawasan luar bandar, adalah pemangkin berkesan untuk mendekatkan "orang kampung" kepada komputer dan teknologi maklumat (IT).

EMTEK yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Jumaat ini, bertempat di Sekolah Menengah Chabang Empat, Tumpat, iaitu sebuah pekan kecil yang terletak kira-kira 20 km dari sini.

Eksposisi itu akan disertai oleh kira-kira 40 syarikat multimedia dari seluruh negara, yang akan menonjolkan perkembangan IT mutakhir kepada orang ramai.

EMTEK yang akan berlangsung selama enam hari sehingga 3 Jun ini dianjurkan oleh Yayasan Pasir Mas, yang dipengerusikan oleh Datuk Ibrahim Ali dan Telekom Malaysia sebagai penaja utama.

Menurut Ketua Unit Maklumat Jabatan Pendidikan Kelantan, Mohd Najib Badruddin, EMTEK merupakan langkah terbaik untuk melahirkan kesedaran pelajar dalam bidang IT.

Katanya, para pelajar perlu menjadikan IT sebagai budaya kehidupan harian mulai sekarang.

Jabatan Pendidikan Kelantan memberikan penekanan serius dalam usaha pembangunan IT di kalangan pelajar di negeri ini, yang mana sebanyak 30 buah sekolah menengah dan rendah telah mewujudkan makmal komputer, katanya.

Sementara itu, 12 buah sekolah lagi akan mewujudkan makmal komputer tidak lama lagi, dan ini menjadikan 80 peratus sekolah menengah dan rendah di negeri mempunyai makmal komputer menjelang tahun 2000.

Beliau berkata, kesedaran dan minat para pelajar untuk menggunakan komputer semakin meningkat, termasuk pelajar dari kawasan luar bandar.

Pembangunan IT di sekolah-sekolah secara tidak langsung akan mengembangkan ilmu IT di kalangan anggota keluarga para pelajar terbabit.

"Pelajar yang belajar menggunakan komputer di sekolah, sudah pasti akan menceritakan pengalamannya itu kepada anggota keluarga termasuk ibu dan ayah, dan bagi mereka yang mampu sudah pasti membeli komputer untuk keluarga di rumah," katanya.

Beliau berkata ibu bapa juga amat penting bagi mendorong anak-anak minat dalam IT, dan mereka tidak seharusnya menyerahkan tanggungjawab itu kepada para guru sepenuhnya.

Sehubungan itu, ibu bapa perlu mengambil kesempatan untuk membawa anak-anak melihat pelbagai kecanggihan dalam industri IT yang akan dipamerkan di EMTEK, katanya.

Selain itu, Jabatan Pendidikan Negeri berharap warga pendidik di seluruh negeri ini bersama-sama pelajar masing-masing mengunjungi eksposisi itu.

Sementara itu, Kamaruzaman Yaacob seorang Eksekutif Bantuan Khidmat Pelanggan dan Jualan sebuah syarikat yang terlibat secara langsung dalam industri IT, berpendapat eksposisi itu akan memberikan peluang kepada syarikat-syarikat tertentu memperkenalkan perkhidmatan yang mereka tawarkan kepada orang ramai.

"Orang ramai juga akan didedahkan kepada fenomena baru dalam proses penyaluran dan pengumpulan maklumat," katanya.

Beberapa penduduk kampung yang tinggal berdekatan tapak eksposisi EMTEK itu melahirkan rasa bertuah kerana akan dapat melihat sendiri secara lebih

dekat berkaitan IT, yang sebelum banyak diperkatakan melalui televisyen, radio dan akhbar.

"Pakcik tidak akan turun ke sawah pada Jumaat ini, sebab nak tengok sendiri apa itu multimedia dan apa yang canggih sangat komputer," kata Hussin Abdullah, 52, yang berhasrat untuk membawa isteri dan dua cucunya ke eksposisi itu.

Sesungguhnya, orang ramai termasuk kakitangan kerajaan, petani, penternak, peniaga, nelayan dan suri rumah seharusnya tidak melepaskan peluang untuk mengunjungi eksposisi itu.

--BERNAMA

BD RI